

Newspaper	Berita Harian
Date	16/8/2013

© JUMAAT 16 OGOS 2013



Rakyat Mesir perlu bersatu

BH - 16/8/2013

» *Ketepikan
perbezaan
fahaman,
henti kemelut*

sistem pemerintahan demo-
krasi.

Kemelut berterusan

“Jika satu pihak menang, pihak yang kalah akan merusuh, apabila pihak yang merusuh berjaya mengambil alih, pihak yang terpaksa turun pula akan merusuh, ia akan berterusan begitu.

“Seperti di negara kita, ada pihak yang suka untuk menjatuhkan kerajaan,” katanya selepas merasmikan Perhimpunan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Membantu Palestin di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan dan bekas Duta Palestin ke Malaysia, Tan Sri Ahmad Al Farra.

Justeru, katanya, masyarakat dunia, khususnya komuniti dan pertubuhan Islam termasuk Liga Arab perlu sepakat



Mahathir berucap ketika merasmikan **Perhimpunan NGO Membantu Palestin** di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SURIANIE MOHD HANIE/BH]

merayu semua pihak di Mesir untuk menghentikan pertumpahan darah.

“Sama ada ahli Sunnah Wal Jamaah, Syiah atau Wahabi, asasnya tetap agama yang sama iaitu Islam. Kita sebagai saudara seharusnya bersatu dalam apa jua keadaan, bukan berpecah-belah dan bersengketa hingga saling berbunuhan,” katanya.

Gesa campur tangan OIC

Sementara itu, Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

mampu mendesak pihak bertelagah di Mesir berunding bagi menghentikan pergolakan politik dan pertumpahan darah.

Katanya, Malaysia boleh mendesak OIC memanggil sidang tergempar, merangka resolusi bagi membawa Mesir keluar daripada kemelut yang mungkin berubah lebih buruk jika usaha penyelesaian diletakkan.

Katanya, tentera, kumpulan penyokong Presiden Mesir yang digulingkan, Mohamed Morsi serta penentang tidak mampu menangani krisis yang semakin meruncing secara sendirian tanpa bantuan pihak ketiga.

Oleh **Sophia Ahmad**
sophia@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Semua pihak bertelagah di Mesir perlu kembali waras bagi mewujudkan semula keamanan berikutan kacauan politik di negara itu.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata situasi di Mesir ketika ini bukti pencabulan sistem demokrasi yang boleh berlaku kepada mana-mana negara, termasuk Malaysia.

“Rakyat Mesir ketika ini berada dalam keadaan emosi yang begitu tinggi dan mereka tidak ada pengalaman dalam